



TARIKH

9 APRIL 2019

Utusan
Penyebar fikiran rakyat
MALAYSIA

BH
Berita Harian

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

Sinar
TELUS & TULUS
harian

NEW STRAITSTIMES

Star
The people's paper

BORNEO POST

Bernama.com
Pastikan Benar

my Metro

astro
AWANI

Duta EU sedia bawa mesej pekebun kecil sawit

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



Jose Cardinos (kiri) dan Maria melihat buah sawit pada program Hari di Lapangan Bersama Duta EU, di Sungai, semalam.

Tanjung Malim: “Kami akan cuba membawa mesej yang diketengahkan pekebun kecil kelapa sawit di Malaysia kepada negara di Kesatuan Eropah (EU).

“Mereka mendapat mesej jelas bahawa perusahaan itu sangat penting untuk ekonomi mereka,” kata Duta yang juga Ketua Delegasi EU ke Malaysia, Maria Castillo-Fernandez.

Beliau yang hadir pada Hari di Lapangan Bersama Duta Kesatuan Eropah di FELCRA Changkat Sulaiman di sini, berkata, pihaknya berterima kasih atas usaha dilaksanakan pelbagai agensi dalam memberi pendedahan kepada wakil EU mengenai perusahaan minyak sawit yang memberi impak besar kepada Malaysia.

“Kami gembira bertemu anda semua di sini dan menjadikan program ini berjalan lancar, saya berterima kasih atas usaha dil-

kukan, malah saya juga ingin menjelaskan dan menyatakan bahawa kami sangat ikhlas.

“Disebabkan itu, kami datang dan sekali lagi ingin menegaskan EU tidak menyekat minyak sawit, kerana kami ialah kawan kepada anda semua, bukannya musuh dan segala perbincangan perlu dilakukan bersama EU dan Malaysia untuk memperjelaskan isu ini,” katanya.

Dedah kepentingan komoditi sawit

Beliau berkata demikian di hadapan kira-kira 99 peserta FELCRA Changkat Sulaiman pada majlis makan tengah hari, di sini, semalam.

Yang turut hadir pada program itu, Duta Besar Belanda ke Malaysia, Karin Mossenlecher dan Duta Besar Sepanyol ke Malaysia, Jose Cardinos Lafuante, Pengerusi

FELCRA Bhd, Datuk Nageeb Wahab; Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA Bhd, Nazrul Izam Mansor dan Pengerusi RISDA, Rosely Kusip.

Sementara itu, Nageeb berkata, program itu bertujuan mendedahkan pentingnya komoditi sawit dalam kehidupan pekebun kecil di negara ini.

“Ia juga untuk membolehkan Duta EU memahami lebih mendalam keadaan 600,000 pekebun kecil yang terkesan akibat keputusan EU membatalkan penggunaan biodiesel minyak sawit dan tindakan itu sangat menjasakan keadaan peserta.

“Maklum balas diterima dari pada Duta EU sangat baik. Mereka lebih faham bagaimana perusahaan sawit ini dilaksanakan dan pendedahan lebih jelas tidak seperti didakwa banyak pihak,” katanya.